



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP



BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PPP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 13 Ogos 2025



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

KPDN



Isu bebanan tidak berbangkit

Peniaga kecil, penjaja tetap mendapat manfaat subsidi LPG - Armizan

KUALA LUMPUR: Harga bagi gas petroleum cecair (LPG) bersubsidi tertakluk kepada kawalan harga di setiap peringkat rantaian pengedaran, merangkumi pengeluaran, pemborong dan peruncit.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd Ali berkata, ia selaras dengan peruntukan di bawah Perintah Kawalan Harga dan Antipencatutan (Penentuan Harga Maksimum) (No. 4) 2015 yang telah berkuatkuasa mulai 1 Julai 2015.

"Dalam hal ini, harga runcit bagi tong LPG bersubsidi 10kg adalah RM19.00, 12kg adalah RM22.80 dan bagi 14kg adalah RM26.60. Manakala, harga bagi LPG kegunaan industri adalah tertakluk kepada harga pasaran," kata pada persidangan Parlimen, disini hari ini.



ARMIZAN MOHD ALI

Beliau menjawab pertanyaan Ahli Parlimen Rantau Panjang, Dato' Hajah Siti Zailah Mohd Yusoff apakah tindakan Kementerian berhubung kenaikan harga LPG yang membebaskan peniaga kecil dan penjaja makanan di kawasan luar bandar serta pertanyaan Ahli Parlimen Hulu Terengganu, Dato' Rosol bin Wahid bagaimana Kementerian memastikan penguatkuasaan

saat tong gas ungu atau LPG komersial tidak membebaskan peniaga kecil yang bergantung kepada tong gas bersubsidi. Apakah mekanisme penyasaran subsidi yang diwujudkan untuk golongan ini bagi mengelakkan kenaikan harga makanan harian yang akan membebaskan golongan B40.

Armizan berkata, Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan (Pindaan) 2021 me-



netapkan bahawa entiti perdagangan dan perniagaan yang menggunakan LPG melebihi 42kg perlu memohon permit barang kawalan berjadual.

"Manakala syarat-syarat permit barang kawalan berjadual yang dikeluarkan beserta Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan (Pindaan) 2021 tersebut menetapkan pemegang permit barang kawalan tidak boleh menggunakan barang kawalan bersubsidi," katanya.

Namun begitu, katanya Kerajaan akan terus membenarkan penggunaan LPG bersubsidi kepada peniaga makanan dan minu-

man mikro dan kecil melebihi had tersebut.

"Sehubungan itu, isu berkaitan bebanan kepada peniaga kecil dan penjaja makanan dan minuman tidak berbangkit kerana mereka tetap mendapat manfaat subsidi LPG," katanya.

LPG merupakan barang kawalan yang diwartakan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 [Akta 122] di bawah kawal selia Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) dan telah diberikan subsidi oleh kerajaan.

Penguatkuasaan dan pemeriksaan ke atas industri yang mengurus niaga dan menggunakan LPG ini telah dilaksanakan oleh KPDN semenjak ia disenaraikan sebagai Barang Kawalan berkuat kuasa pada 21 Oktober 1974.-JT

Peniaga terus dibenar guna LPG bersubsidi

Kuala Lumpur: Kerajaan akan terus membenarkan penggunaan gas petroleum cecair (LPG) bersubsidi kepada perniagaan makanan dan minuman mikro serta kecil walaupun menggunakan lebih 42 kilogram (kg) sebulan, kata **Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Datuk Armizan Mohd Ali**.

Beliau berkata, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 5 Jun lalu turut mengarahkan pindaan dibuat terhadap Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan (Pindaan) 2021 bagi memberi

pengiktirafan rasmi kepada golongan berkenaan.

"Sebagaimana keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 5 Jun lalu...Kabinet dan Kerajaan Madani akan terus membenarkan penggunaan LPG bersubsidi kepada peniaga mikro dan kecil makanan dan minuman.

"Kita juga sudah diarahkan untuk membuat pindaan kepada peraturan pada 2021 itu untuk memberi pengiktirafan membenarkan peniaga kecil dan mikro menggunakan LPG bersubsidi," katanya pada

sesi soal jawab lisan di Dewan Rakyat, semalam.

Sehubungan itu, beliau berkata, isu berkaitan bebanan kepada peniaga kecil dan penjaja makanan dan minuman tidak berbangkit kerana mereka tetap mendapat manfaat subsidi LPG.

Beliau menjawab soalan **Datuk Siti Zailah Mohd Yusoff (PN-Rantau Panjang)** yang ingin mengetahui tindakan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) berhubung kenaikan harga LPG yang mem-

bebaskan peniaga kecil dan penjaja makanan di kawasan luar bandar.

Selain itu, Armizan berkata, sesi libat urus juga sedang dilaksanakan hingga 31 Oktober depan bagi mendapatkan pandangan serta cadangan daripada pelbagai pihak bagi pindaan itu.

Dalam masa sama, beliau berkata, mekanisme kawalan diwujudkan bagi mengelakkan ketirisan, termasuk kes pengalihan gas bersubsidi kepada kegunaan komersial yang dikenali pasti berlaku sebelum ini.

Sasar 20,000 Program Jualan Rahmah

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup akan menganjurkan 20,000 Program Jualan Rahmah MADANI (PJRM) di 222 kawasan Parlimen tahun ini.

Menterinya, Datuk Armizan Mohd Ali, berkata peluasan penganjuran itu selaras dengan peningkatan dana untuk PJRM.

“PJRM satu ikhtiar di bawah inisiatif Payung Rahmah dan mekanisme intervensi bagi membantu meringankan kos sara hidup rakyat.

“Program ini menawarkan penjualan barang keperluan harian, makanan dan bukan makanan pada harga 10 hingga 30 peratus lebih rendah daripada harga pasaran semasa sesuatu kawasan dan sekitarnya,” katanya menjawab soalan Wong Shu Qi (PH-Kluang).



SEHINGGA 31 Julai lalu, sebanyak 13,060 siri PJRM sudah dianjurkan di seluruh negara.

Oleh Amir Abd Hamid
 am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) menyasarkan untuk melaksanakan 20,000 Program Jualan Rahmah Madani (PJRM) di seluruh negara tahun ini.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd Ali berkata, ia susulan peningkatan peruntukan kepada RM600 juta yang diterima kementerian.

Menurutnya, program itu akan merangkumi 222 kawasan Parlimen, lebih 600 Dewan Undangan Negeri (Dun) serta 40 zon di Wilayah Persekutuan, sekali gus memperluas capaian kepada kumpulan sasar di seluruh negara.

“Tambahan peruntukan ini membolehkan kita meningkatkan kekerapan pelaksanaan daripada sasa-

KPDN TERIMA PERUNTUKAN RM600 JUTA

Sasar laksana 20,000 PJRM



Program merangkumi
 222 kawasan
 Parlimen, lebih 600
 Dewan Undangan
 Negeri (Dun)”

Armizan

ran awal 15,360 siri kepada 20,000 siri setahun sehingga Disember depan,” katanya ketika sesi Waktu Pertanyaan Menteri (MQT) di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan **Wong Shu Qi (PH-Kluang)** berhubung strategi dan

inisiatif baharu yang dirancang bagi memastikan peningkatan peruntukan sebanyak RM600 juta untuk PJRM benar-benar sampai kepada kumpulan sasar serta berapa jumlah sebenar rakyat yang disasarkan untuk menerima manfaat secara langsung daripada program ini.

Armizan berkata, penambahan PJRM tahun ini tertumpu kepada tiga aspek utama iaitu penambahan kekerapan, penguasaan jenis barangan (SKU) termasuk keperluan sekolah, barangan basah di pasar dan barangan pelajar di kampus serta kepelba-

gaian model pelaksanaan melalui jualan dalam premis, luar premis dan bergerak.

Selain itu, katanya, kerjasama dengan rakan strategik di bawah Sumbangan Asas Rahmah (SARA) akan memastikan penerima program terbabit mendapat akses barangan pada harga lebih murah di PJRM.

Beliau memaklumkan, sehingga 31 Julai lalu, sebanyak 13,060 siri PJRM sudah dianjurkan di seluruh negara, membabitkan 15.6 juta transaksi yang memberi manfaat langsung kepada rakyat.

KPDN buat tinjauan tambah baik Program Jualan Rahmah Madani

KUALA LUMPUR - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) sedang melaksanakan tinjauan bagi menambah baik pelaksanaan Program Jualan Rahmah Madani (PJRM) di seluruh negara.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd Ali berkata, tinjauan

berkenaan bertujuan mendapatkan maklum balas daripada orang ramai.

Beliau berkata, peringkat pertama survei bermula pada 1 Ogos lalu hingga Jumaat ini yang antara lain menumpukan kepada maklum balas pengunjung di lokasi-lokasi peng-anjuran PJRM.

"Selepas itu, kita akan buka akses survey ini kepada seluruh rakyat

Malaysia melalui pautan di laman web dan semua akaun media sosial KPDN untuk mereka memberikan pandangan," katanya.

Armizan berkata demikian men-jawab soalan tambahan **Wong Shu Qi (PH-Kluang)** berhubung me-kanisme yang digunakan kementeri-annya untuk menerima maklum balas rakyat terhadap PJRM.

Improving Madani Rahmah Sales

THE Domestic Trade and Cost of Living Ministry (KPDN) is conducting a survey to strengthen the implementation of the Madani Rahmah Sales programme (PJRM) nationwide, which began on Aug 1.

Its Minister Datuk Armizan Mohd Ali said the survey aims to gather public feedback as part of efforts to improve the PJRM initiative, which has been implemented since January 2023.

He said the first phase of the survey, which started on Aug 1 and runs until this Friday, focuses on feedback from visitors at PJRM event locations.

"After that, we will open access to this survey for all Malaysians through a link on

KPDN's website and all its social media accounts so they can share their views," he said during Minister's Question Time in the Dewan Rakyat Tuesday.

Armizan was responding to a supplementary question from Wong Shu Qi (PH-Kluang) on the ministry's mechanism for obtaining public feedback on PJRM.

Responding to Wong's main question on the ministry's strategy to ensure that the RM600 million allocation increase for PJRM truly benefits the target group, Armizan said the frequency of PJRM events will be increased in all parliamentary and state constituencies.
– Bernama



KPDN sasar pelaksanaan 20,000 siri PJRM seluruh negara tahun ini

KUALA LUMPUR: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) menyasarkan pelaksanaan 20,000 siri Program Jualan Rahmah Madani (PJRM) di seluruh negara bagi tahun ini (2025).

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd Ali berkata, ia meliputi 222 kawasan Parlimen, lebih 600 Dewan Undangan Negeri (DUN) serta 40 zon di Wilayah Persekutuan.

"Ia berikutan peningkatan peruntukan Inisiatif Payung RAHMAH dalam Belanjawan 2025, daripada RM200 juta kepada RM300 juta termasuk RM252 juta untuk Program Jualan Rahmah Madani (PJRM).

"Selanjutnya peruntukan tambahan sebanyak RM300 juta yang diumumkan Perdana Menteri pada 23 Julai 2025, khusus bagi memperkuh pelaksanaan PJRM.

"Ini menjadikan jumlah peruntukan keseluruhan Inisiatif Payung Rahmah bagi tahun 2025 adalah RM600 juta termasuk RM552 juta khusus untuk PJRM," katanya pada persidangan Parlimen, di sini.



PJRM KPDN menyasarkan pelaksanaan 20,000 siri Program Jualan Rahmah Madani (PJRM) di seluruh negara bagi tahun ini (2025).

Beliau menjawab pertanyaan Ahli Parlimen Kluang, Puan Wong Shu Qi, apakah strategi dan inisiatif baru Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) dalam memastikan peningkatan peruntukan sebanyak RM600 juta untuk Program Jualan Rahmah Madani (PJRM) benar-benar sampai kepada kumpulan sasar? Berapa sasaran sebenar rakyat yang mendapat manfaat langsung?

Armizan berkata, bagi

memastikan peningkatan keberkesanan pelaksanaan melalui tambahan peruntukan ini, tiga elemen utama PJRM akan ditambah baik iaitu penambahan kekerapan pelaksanaan, dimana bilangan pengedaran jualan akan diperbanyakkan di semua kawasan Parlimen dan DUN seluruh negara. Kekerapan akan ditingkatkan daripada sasaran awal 15,360 siri PJRM kepada 20,000 siri PJRM setahun sehingga Disember 2025.

"Penambahan jenis barangan (Stock Keeping Unit – SKU) SKU baharu akan ditambah mengikut keperluan tempatan dan musim perayaan. Liputan barangan termasuk keperluan sekolah, barangan basah semasa PJRM@Pasar, barangan keperluan pelajar semasa PJRM@Kampus di IPTA/IPTS," katanya.

Katanya, pepelbagaian model pelaksanaan PJRM akan dilaksanakan secara lebih menyeluruh melalui tiga model, iaitu

jualan di dalam premis, jualan di kawasan terbuka/luar premis/premium dan jualan secara bergerak.

Selain itu, katanya pengedaran PJRM juga akan melibatkan rakan strategik Sumbangan Asas Rahmah (SARA) untuk memastikan rakyat yang terlibat dalam Program SARA dapat membeli barangan pada harga yang lebih murah dalam PJRM.

"Sehingga 31 Julai 2025, sebanyak 13,060 siri PJRM telah berjaya dilaksanakan di seluruh negara, dengan mencatatkan 15,626,464 transaksi yang memberi manfaat langsung kepada rakyat," katanya.

Program PJRM merupakan salah satu ikhtiar di bawah inisiatif Payung Rahmah. Ia merupakan salah satu mekanisme intervensi bagi membantu meringankan kos sara hidup rakyat.

Program ini menawarkan penjualan barangan keperluan harian, makanan dan bukan makanan pada harga 10 peratus hingga 30 peratus lebih rendah daripada harga pasaran semasa sesuatu kawasan dan sekitarnya.-JT

KPDN launches public survey to enhance MADANI Rahmah Sales programme

KUALA LUMPUR: The Domestic Trade and Cost of Living Ministry (KPDN) is conducting a survey to strengthen the implementation of the MADANI Rahmah Sales programme (PJRM) nationwide, which began on Aug 1.

Its minister Datuk Armizan Mohd Ali said the survey aims to gather public feedback as part of efforts to improve the PJRM initiative, which has been implemented since January 2023.

He said the first phase of the survey, which started on Aug 1 and runs until this Friday, focuses on feedback from visitors at PJRM event locations.

"After that, we will open access to this survey for all Malaysians through a link on KPDN's website and all its social media

accounts so they can share their views," he said during Minister's Question Time in the Dewan Rakyat Tuesday.

Armizan was responding to a supplementary question from Wong Shu Qi (PH-Kluang) on the ministry's mechanism for obtaining public feedback on PJRM.

Responding to Wong's main question on the ministry's strategy to ensure that the RM600 million allocation increase for PJRM truly benefits the target group, Armizan said the frequency of PJRM events will be increased in all parliamentary and state constituencies.

"The frequency will be raised from the initial target of 15,360 PJRM series to 20,000 annually until December this year," he said. — Bernama

阿米占：不再限42公斤 小餐飲可用補貼煤氣

（吉隆坡12日讯）国内贸易及生活费部长拿督阿米占指出，内阁已议决，即使微型和小型餐饮企业每月使用超过42公斤的液化石油气，他们依然可以享有补贴。

他今日在国会下议院回答伊党兰斗班让区国会议员拿督茜蒂再拉的提问时说，内阁已于6月5日的会议作

出决定，并指示修订2021年供应管制（修正）条例。

“我们接获指示修订2021年的这项（供应管制）条例，正式认可微型及小型商家可使用补贴液化石油气。”

交流会持续至1031

他说，既然微型和小型餐饮业者获准使用补贴液化石油气，这意味小型餐饮业者的负担问题获得缓解。

他也说，交流会将持续至10月31日，以收集各方对修正案的看法和建议。

他表示，政府将建立监管机制，以防止补贴液化石油气被转用于商业用途等纰漏情况。（BPK）

改善關懷銷售計劃15日起展開民調

国内贸易及生活费部部长拿督阿米占披露，从本月15日起，开放昌明政府关怀销售计划民调，邀请民众踊跃提供反馈。

他在国会下议院回复行动党居銮区国会议员黄书琪的附加提问时表示，该部届时将在内贸部官网及社

交媒体上传民调网址，供民众提供反馈，如何改善昌明政府关怀销售计划。


他提到，第一阶段的民调从本月1日开始至本周五，向参与昌明政府关怀销售计划的访客收集反馈。

他说，该部放眼今年在全国举办

2万场昌明政府关怀销售计划系列活动。

“截至7月，已在全国举办1万3060场昌明政府关怀销售计划活动，共进行1562万6464宗交易，使人民直接受惠。”

“内贸部不会为昌明政府关怀销售计划开设商店。”（TKM）



கடந்த ஜூலை 31ஆம் தேதி முடிய நாடு தழுவிய நிலையில் 13,060 மடானி விற்பனை விழாக்கள்

கோலாலம்பூர், ஆக. 13-

கடந்த ஜூலை 31ஆம் தேதி முடிய நாடு முழுவதும் மொத்தம் 13,060 ரஹ்மா மடானி விற்பனை விழாக்கள் நடந்ததாக உள்நாட்டு வாணிப வாழ்க்கை செலவினத் துறை அமைச்சர் டாக்டர் அர்மிஸான் முகமட் அலி தெரிவித்தார்.

இதில் நடந்த 15,626,464 பரிவர்த்தனைகள் மக்களுக்கு பெரும் பயன் அளித்தன. அதில் பாயுங் ரஹ்மா என்ற திட்டத்தில் மலிவு விலையில் அத்தியாவசிய பொருட்களை வழங்கும் திட்டம் சிறந்த பயன் அளித்தது. சந்தை விலையை விட 10-30 விழுக்காடு வரை

குறைந்த விலையில் பொருட்கள் விற்கப்பட்டன.

மொத்தம் 222 நாடாளுமன்ற தொகுதிகளிலும் கூட்டரசுப் பிரதேசத்தில் 40 வட்டாரங்களிலும் 20,000 விற்பனை விழாக்கள் நடந்தன என்றார் அவர்.

மக்களவையில் எழுப்பப்பட்ட கேள்விகளுக்கு பதிலளித்த அவர் தற்போது 60 கோடி வெள்ளி இதற்காக ஒதுக்கப்பட்டு இன்னும் சரியானவர்களுக்கு அது சென்றடைய அது உறுதி செய்யப்படும்.

ஆண்டு இறுதிக்குள் 20,000 விற்பனை விழாக்கள் நடப்பது உறுதி செய்யப்படும் என்று அவர் கூறினார்.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR **AGENSI**



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Kerajaan digesa pinda Akta Persaingan 2010 tangani amalan monopoli, kartel

Kerajaan digesa menyegerakan pindaan terhadap Akta Persaingan 2010, sekali gus memperbaiki kelompangan yang wujud dalam perundangan itu, terutama untuk menangani amalan seperti kartel, monopoli dan antipersaingan.

Cadangan itu dikemukakan Datuk Seri Jalaluddin Alias (BN-Jelebu) dengan alasan pindaan yang akan dilakukan itu berupaya membantu dalam memperkasa peranan serta mandat diberikan kepada Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) dalam menangani kegiatan sedemikian.

"Pindaan itu wajar disegerakan memandangkan sasaran ditetapkan melalui Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13) (untuk pindaan akta itu) hanya akan dibuat

pada 2030, itu terlalu lambat," katanya ketika membahaskan RMK13 di Dewan Rakyat semalam.

Dalam pada itu, Jalaluddin turut mempersoal tindakan MyCC yang diambil hanya pada peringkat pascapelaksanaan dalam usaha untuk menangani kegiatan kartel, monopoli dan anti persaingan yang dipercayai berisiko untuk mengganggu perjalanan pelaksanaan RMK13 sekiranya tidak ditangani.

"Mengapa tindakan oleh MyCC hanya diambil pada peringkat pasca pelaksanaan, iaitu selepas sesuatu perolehan, pengoperasian atau penyampaian perkhid-



Jalaluddin Alias

matan selesai.

"Adakah kuasa yang diberikan kepada MyCC terbatas sehingga tidak mampu bertindak ketika perolehan sedang berjalan atau situasi ini mencerminkan kelewatan yang disengajakan dalam pelaksanaan kuasa penguatkuasaan yang sepatutnya lebih proaktif.

"Adakah ini strategi 'tunggu dan lihat' yang disengajakan," katanya.

Jalaluddin berkata, situasi berkenaan menimbulkan tanda tanya keberkesanan pemantauan awal serta keupayaan pencegahan seperti penipuan bida atau pembentukan kartel sejak pe-

ringkat awal proses perolehan.

"Kebanyakan tender berkait rapat dengan kepentingan awam dan tindakan MyCC ini melegahkan apa yang seharusnya dinikmati oleh orang awam dan ia juga seakan-akan menidakkan hak orang awam secara tidak langsung," katanya.

Dalam soal pemantauan, pengesanan dan siasatan terhadap sebarang unsur kartel atau pakatan bida, beliau berkata MyCC boleh bekerjasama rapat dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) untuk memberi pendedahan, mendidik dan menyenaraikan garis panduan jelas untuk rujukan kontraktor di Malaysia di peringkat awal, sebelum pendaftaran atau lesen diluluskan dan dikeluarkan oleh pihak CIDB.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE

KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BERITA ONLINE BERTARIKH 13 OGOS 2025

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
13-Aug	KPDN sasar 20,000 Program Jualan Rahmah MADANI (PJRM) selaras peningkatan peruntukan - Armizan	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/08/1432136/kpdn-sasar-20000-program-jualan-rahmah-madani-pjrm-selaras?source=widget	BERITA HARIAN
13-Aug	KPDN sasar 20,000 siri PJRM di seluruh negara, bantu ringankan kos sara hidup rakyat	https://www.buletintv3.my/nasional/kpdn-sasar-20000-siri-pjrm-di-seluruh-negara-bantu-ringankan-kos-sara-hidup-rakyat/	TV3
13-Aug	KPDN sasar 20,000 siri PJRM di seluruh negara tahun ini	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/08/1251304/kpdn-sasar-20000-siri-pjrm-di-seluruh-negara-tahun-ini	HARIAN METRO
13-Aug	Kerajaan Peruntuk RM600 Juta Perkukuh Program Jualan Rahmah Madani – 20,000 Siri Jualan Disasar Tahun Ini	https://sabahnews.com.my/kerajaan-peruntuk-rm600-juta-perkukuh-program-jualan-rahmah-madani-20000-siri-jualan-disasar-tahun-ini/	SABAHNEWS
13-Aug	Dewan Rakyat: Program Jualan Rahmah Madani catat 15.6 juta transaksi	https://www.kosmo.com.my/2025/08/12/dewan-rakyat-program-jualan-rahmah-madani-catat-15-6-juta-transaksi	KOSMO
13-Aug	Tinjauan perkukuh Program Jualan Rahmah MADANI	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/tinjauan-perkukuh-pelaksanaan-program-jualan-rahmah-madani	RTM
13-Aug	Peruntukan Program Jualan Rahmah Madani dinaikkan kepada RM600 juta	https://www.tvsarawak.my/2025/08/12/peruntukan-program-jualan-rahmah-madani-dinaikkan-kepada-rm600-juta	TVS
13-Aug	Successful Rahmah Madani Sales Programme to be expanded, says Armizan [WATCH]	https://www.nst.com.my/news/nation/2025/08/1258933/successful-rahmah-madani-sales-programme-be-expanded-says-armizan-watch	NST

13-Aug	KPDN LAUNCHES PUBLIC SURVEY TO ENHANCE MADANI RAHMAH SALES PROGRAMME	https://www.bernama.com/tv/news.php?id=2455771	BERNAMA
13-Aug	Program Jualan Rahmah terima respons positif – Armizan	https://malaysiagazette.com/2025/08/12/program-jualan-rahmah-terima-respons-positif-armizan/	MALAYSIA GAZETTE
13-Aug	Successful Rahmah Madani Sales Programme to be expanded, says Armizan [WATCH]	https://www.nst.com.my/news/nation/2025/08/1258933/successful-rahmah-madani-sales-programme-be-expanded-says-armizan-watch	NST
13-Aug	KPDN LAKUKAN SURVEI DAPATKAN MAKLUM BALAS PROGRAM JUALAN RAHMAN MADANI	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2455765	BERNAMA
13-Aug	Kerajaan kekal benarkan peniaga mikro dan kecil guna LPG bersubsidi	https://www.hmetro.com.my/pks/2025/08/1251369/kerajaan-kekal-benarkan-peniaga-mikro-dan-kecil-guna-lpg-bersubsidi?source=widget	HARIAN METRO
13-Aug	Kerajaan kekal salur subsidi LPG kepada peniaga kecil dan penjaja makanan	https://www.tvsarawak.my/2025/08/12/kerajaan-kekal-salur-subsidi-lpg-kepada-peniaga-kecil-dan-penjaja-makanan/	TVS
13-Aug	LPG Subsidies To Continue For Small Food Businesses Exceeding 42kg Limit - Armizan	https://www.bernama.com/en/news.php?id=2455766	BERNAMA
13-Aug	Kerajaan Kekal Benarkan Peniaga Mikro Dan Kecil Guna LPG Bersubsidi – Armizan	https://malaysiagazette.com/2025/08/12/kerajaan-kekal-benarkan-peniaga-mikro-dan-kecil-guna-lpg-bersubsidi-armizan/	MALAYSIA GAZETTE

13-Aug	Pasar Raya di Johor Mula Menggunakan eCOSS Elak Ketirisan Minyak Paket Bersubsidi	https:// malaysiaaktif.my/2025/08/ pasar-raya-di-johor-mula- menggunakan-ecoss-elak- ketirisan-minyak-paket-	MALAYSIA AKTIF
13-Aug	RM202.5 million for distribution of essential items in Sabah	https:// www.dailyexpress.com.my/ news/264354/rm202-5- million-for-distribution-of- essential-items-in-sabah/	DAILY EXPRESS
13-Aug	Empat dicekup seleweng diesel guna lori ubah suai	https:// www.utusan.com.my/ nasional/jenayah/2025/08/ empat-dicekup-seleweng-	UTUSAN
13-Aug	Empat dicekup seleweng diesel guna lori ubah suai	https:// www.kosmo.com.my/2025/ 08/12/empat-dicekup- seleweng-diesel-guna-lori-	KOSMO
13-Aug	Empat ditahan kes seleweng diesel	https:// www.sinarharian.com.my/ article/743079/berita/ semasa/empat-ditahan-kes- seleweng-diesel- bersubsidi#google_vignette	SINAR HARIAN
13-Aug	KPDN Selangor tumpas kegiatan seleweng diesel	https://www.buletintv3.my/ nasional/kpdn-selangor- tumpas-kegiatan-seleweng- diesel-subsidi/	TV3
13-Aug	Empat ditahan kes seleweng diesel	https:// www.sinarharian.com.my/ article/743079/berita/ semasa/empat-ditahan-kes-	SINAR HARIAN
13-Aug	Banyak kelompongan dalam Akta MyCC - MP Jelebu	https:// www.bharian.com.my/ berita/ nasional/2025/08/1432364/ banyak-kelompongan-	BERITA HARIAN
13-Aug	Kerajaan kekal benar peniaga mikro, kecil guna LPG bersubsidi	https:// malaysiaga- zette.com/2025/08/12/kerajaan- kekal-benar-peniaga-mikro-kecil-	MALAYSIA GAZETTE

13-Aug	Kerajaan kekal benar peniaga mikro, kecil guna LPG bersubsidi	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2455776	BERNAMA
13-Aug	Kerajaan kekal benarkan peniaga mikro dan kecil guna LPG bersubsidi	https://www.hmetro.com.my/pks/2025/08/1251369/kerajaan-kekal-benarkan-peniaga-mikro-dan-kecil-guna-lpg-bersubsidi	HARIAN METRO
13-Aug	Peniaga kecil dibenarkan guna LPG bersubsidi – Armizan	https://utusanv.com/2025/08/12/peniaga-kecil-dibenarkan-guna-lpg-bersubsidi-	UTUSAN
13-Aug	不受42公斤用量限制 微型餐饮业允使用补贴煤气	https://www.orientaldaily.com.my/news/	ORIENTAL DAILY
13-Aug	阿米占：内阁允继续使用补贴煤气 修法承认微型及小型餐饮业资格	https://www.kwongwah.com.my/20250812/%e9%98%bf%e7%b1%b3%e5%8d%a0%ef%bc%9a%e5%86%85%e9%98%81%e5%85%81%e7%bb%ad%e4%bd%bf%e7%94%a8%e8%a1%a5%e8%b4%b4%e7%85%a4%e6%b0%94-%e4%bf%ae%e6%b3%95%e6%89%bf%e8%ae%a4%e5%be%ae%e5%9e%8b%e5%8f%8a%e5%b0%8f/	KWONG WAH
13-Aug	阿米占：内阁允微小餐饮业用逾42公斤煤气仍享补贴	https://www.sinchew.com.my/news/20250812/nation/6774745	SIN CHEW
13-Aug	Peniaga kecil dan penjaja tetap dapat manfaat subsidi LPG	https://www.nabalunews.com/post/peniaga-kecil-dan-penjaja-tetap-dapat-manfaat-subsidi	NABALU NEWS

13-Aug	KPDN sasar pelaksanaan 20,000 siri PJRM di seluruh negara tahun ini	https:// www.nabalunews.com/post/ kpdn-sasar-pelaksanaan-20 -000-siri-pjrm-di-seluruh- negara-tahun-ini	NABALU NEWS
13-Aug	Tinjauan perkukuh Program Jualan Rahmah MADANI	https://berita.rtm.gov.my/ nasional/senarai-berita- nasional/senarai-artikel/ tinjauan-perkukuh- pelaksanaan-program- jualan-rahmah-madani	RTM
13-Aug	Peruntukan Program Jualan Rahmah Madani dinaikkan kepada RM600 juta	https:// www.tvsarawak.my/2025/08 /12/peruntukan-program- jualan-rahmah-madani- dinaikkan-kepada-rm600-	TVS
13-Aug	Dewan Rakyat: Program Jualan Rahmah Madani catat 15.6 juta transaksi	https:// www.kosmo.com.my/2025/ 08/12/dewan-rakyat- program-jualan-rahmah- madani-catat-15-6-juta-	KOSMO